JAWAPAN

RUMUSAN DAN PEMAHAMAN UMUM

HIKMAH 1

Rumusan

Pendahuluan [2 markah]

Petikan membincangkan langkah-langkah/cara-cara/tindakan-tindakan/pendekatan-pendekatan menguruskan hutan di Malaysia.

Isi Tersurat [4 – 12 markah]

1. Malaysia dan Indonesia bekerjasama memantau kawasan hutan di sempadan kedua-dua buah negara
2. Mengatasi aktiviti pembalakan haram dengan menggunakan teknik mengesan profil DNA/melalui teknik RAPD
3. Kerajaan membaik pulih sejumlah besar hutan kekal dan kawasan pembalakan di Semenanjung Malaysia
4. Kerajaan menjayakan Program Perhutanan Masyarakat/menubuhkan dan menyelenggarakan hutan lipur
5. Kerajaan negeri menetapkan sasaran untuk menanam 50 ribu pokok setahun/1.2 juta pokok menjelang tahun 2020 di negeri masing-masing
6. Malaysia komited melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan
7. Memanfaatkan industri hiliran kayu.
8. Memberikan insentif kepada industri berasaskan kayu.
9. Memperluas khidmat nasihat dan kepakaran untuk sektor ini.

Isi Tersurat [4 – 12 markah]

1. untuk tatapan generasi akan datang
2. dapat memelihara kepelbagaian biologi serta sumber genetik
3. mengekalkan kestabilan ekosistem
4. sumber ekonomi negara
5. kawasan tadahan hujan
6. mengekalkan habitat flora dan fauna
7. sebagai sumber penyelidikan
8. sebagai sumber perubatan tradisional
9. mengelakkan hakisan bumi

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama menyokong usaha-usaha pengurusan hutan di negara ini agar hutan kekal sebagai sumber alam negara.

Petikan Umum

i. - Maksud rangkai kata tidak harus saling menuding jari seperti yang terdapat
dalam petikan ialah jangan selalu menyalahkan antara satu sama lain/tuduh
menuduh.

ii. - Memberi pendapatan lumayan kepada negara.
- Menyumbang pertumbuhan ekonomi negara
- Eksport ketiga terbesar negara.
- Menyediakan peluang pekerjaan

iii. - Ibu bapa sebagai sebagai contoh/model
- mengadakan aktiviti lawatan ke hutan simpan dengan lebih kerap
- Media massa perlu menyebarluaskkan kepentingan alam sekitar.
- Kerajaan mengadakan kempen tentang penjagaan alam sekitar secara berterusan

HIKMAH 2

Rumusan

Pendahuluan [2 markah]

Petikan menyatakan faktor-faktor berlakunya keracunan makanan terhadap orang ramai.

Isi Tersurat [4 – 12 markah]

1 berlaku pencemaran makanan
2 cara penyediaan makanan tidak dijaga dengan baik
3 pengendali makanan yang tidak menjaga kebersihan makanan yang dihidangkan kepada pelanggan
4 Perbuatan menghisap rokok, batuk dan meludah semasa menyediakan atau mengendalikan makanan
5 Bahan yang digunakan untuk memasak makanan tidak bersih.
6 Makanan yang tidak dimasak dengan sempurna
7 Makanan dari peti sejuk yang tidak dinyahbekukan dengan sempurna.
8 Makanan yang lama disimpan pada suhu bilik juga tidak selamat walaupun telah dipanaskan
9 Seseorang individu makan atau minum makanan dan minuman yang tercemar oleh bakteria, virus atau organsima berbahaya
10 Penggunaan bahan kimia dan bahan beracun yang semakin berleluasa terhadap sayur-sayuran

Isi Tersirat [4 – 12 markah]

1 Menjadikan badan sihat dan cergas/memberi tenaga
2 Membina otak/minda yang sihat
3 Sebagai imuniti/daya tahan terhadap serangan penyakit
4 Dapat menjalankan tugas rutin dengan lancar
5 Pembesaran tubuh badan sempurna

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah menjaga pemakanan agar terhindar daripada gejala keracunan makanan.

Petikan Umum

(i) Maksud hasil tenusu ialah
- Keluaran / bahan yang dihasilkan daripada susu seperti mentega dan keju

[2 markah]

(ii) Keadaan yang menggalakkan bakteria merebak
- Makanan tidak dimasak dengan sempurna
- Makanan yang telah dimasak atau disediakan awal tidak disejukbekukan
- Makanan yang lama disimpan pada suhu bilik

[3 markah]

(iii) Sebagai seorang pelajar saya
- akan membuat aduan kepada pentadbir sekolah
- tidak akan membeli atau memakan makanan yang dijual
- meminta pihak sekolah bertindak menegur pihak kantin
- meminta kawan-kawan juga tidak memakan atau membeli dari kantin
- membawa bekal dari rumah

[4 markah]

HIKMAH 3

Rumusan

Pendahuluan [2 markah]
Petikan membincangkan cara-cara untuk mewujudkan perpaduan kaum di negara ini.

Isi Tersurat [4-12 markah]

1. Mengamalkan sikap hormat-menghormati dan tolong –menolong yang merupakan landasan pertama.
2. Sikap perkauman juga tidak harus dijadikan amalan.
3. Setiap orang perlu menghindari perasaan dengki, pilih kasih, sombong, dan pelbagai sikap buruk yang lain**.**
4. Penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum juga turut membantu.
5. Sistem pendidikan juga merupakan saluran utama untuk mewujudkan perpaduan kaum

6. Guru-guru juga perlu berusaha menerapkan nilai-nilai murni melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
7. Setiap warga pendidikan perlumenjadikan agenda perpaduan sebagai keutamaan dalam semua program.
8. Warga pendidik perlu menentukan dan melaksanakan pelbagai aktiviti di luar bilik darjah.

Isi Tersirat: [4-12markah]

1. Dapat mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk.
2. Berjaya menarik lebih banyak pelabur asing.
3. Dapat meningkatkan jumlah pelancong yang melawat negara kita
4. Dapat merapatkan hubungan antara pelbagai kaum.
5. Dapat meningkatkan semangat kejiranan dalam kalangan rakyat.
6. Mengekalkan kestabilan sosial negara

Kesimpulan: [2 markah]
Kesimpulannya, semua pihak hendaklah berusaha mengekalkan perpaduan kaum demi meningkatkan imej negara di persada antarabangsa.

Petikan Umum

i. Maksud rangkai kata ialah kemahuan untuk mewujudkan integrasi / suasana bersatu padu semakin meningkat.
[2 markah]

ii. Hari Perpaduan diadakan bertujuan untuk:
- mengingatkan rakyat tentang betapa pentingnya semangat perpaduan
-betapa pentingnya semangat patriotisme demi kestabilan kesejahteraan negara
- memupuk dan menggalakkan semangat perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

[3 markah]

iii. Pada pendapat saya faktor-faktornya ialah:
- sikap suka menyebar fitnah
- berperasangka buruk terhadap orang lain
- mengamalkan sikap diskriminasi antara kaum
- perbuatan suka menghasut
- perbuatan suka pilih kasih
(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

HIKMAH 4

Rumusan

Pengenalan [2 markah]
Petikan membincangkan masalah buli di kalangan pelajar sekolah

Isi tersurat [4 - 12 markah]

1. Kesan negatif dalam jangka masa panjang
2. Membunuh diri
3. Seorang dewasa yang emosional
5. Menimbulkan ketakutan kepada mangsa
6. Menimbulkan ketakutan kepada rakan yang menyaksikan
7. Mangsa buli merobah personaliti mereka menjadi penakut
8. Mangsa menjadi lemah dan kurang keyakinan
9. Berlaku kecederaan fizikal dan emosi kepada mangsa.

Isi tersirat [4 - 12 markah]

1. Mewujudkan hubungan yang mesra dalam kalangan warga sekolah.
2. Mengenakan tindakan yang tegas terhadap pembuli
3. Dasar anti buli dimasukkan dalam kurikulum sekolah
4. Ibu bapa dan guru bekerjasama mengatasi masalah buli
5. Pihak sekolah lebih serius dalam menangani kes buli
6. Kaunselor berusaha mendekati mangsa buli dan pembuli.

Kesimpulan

Kesimpulannya semua pihak haruslah bersama-sama berusaha memastikan kes-kes buli di sekolah tidak berlaku demi mendaulatkan institusi sekolah
[2 markah]

Petikan Umum

i. - tohmahan/ khabar-khabar angin/cerita/tuduhan-tuduhan tidak berasas
[2 markah]

ii. - mengkasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan
- buli secara langsung termasuklah diugut, disepak, ditumbuk, ditendang dan sebagainya.
- buli secara tidak langsung seperti mengejek, menggunakan kata-kata kesat atau lucah dengantujuan mengacau dan gosip-gosip liar
[3 markah]

iii. - kurang pemantauan daripada pihak sekolah
- terpengaruh dengan tindakan kawan-kawan pembuli
- melepaskan tekanan perasaan
- membalas dendam
- cuba untuk menunjukkan kekuatan/menarik perhatian

[4 markah]

HIKMAH 5

Pendahuluan [2 markah]

Petikan membincangkan sebab-sebab / faktor-faktor berlakunya rasuah dalam kalangan masyarakat.

Isi tersurat [4 – 12 markah]

1. sikap segelintir masyarakat yang ingin mengejar kemewahan hidup
2. didikan dan penghayatan terhadap nilai dan peraturan agama yang senipis kulit bawang
3. mereka sering menghadapi masalah kewangan
4. kegagalan pegawai penyelia memantau pekerja-pekerja di bawah tanggungjawabnya.
5. terlalu banyak penurunan kuasa tanpa pengawasan yang bijak oleh pegawai atasan.
6. sikap hidup yang suka bermegah-megah
7. kelemahan kepemimpinan dalam sesuatu institusi yang berkaitan.
8. pemahaman bahawa perbuatan itu bukan satu kesalahan tetapi lebih merupakan ganjaran.
9. keuntungan yang diperoleh adalah lebih besar daripada risiko yang bakal dihadapi.

Isi tersirat [4 – 12 markah]

1. Sistem pentadbiran kerajaan akan diragui/dipandang rendah
2. menyebabkan ekonomi tidak stabil.
3. kejadian jenayah meningkat.
4. mencemarkan imej negara.
5. menjejaskan perpaduan masyarakat.
6. menjejaskan kemasukan pelancong asing.

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama mengatasi masalah rasuah agar negara aman dan sejahtera.

Petikan Umum

i. Maksud rangkai kata:
  - kurang mantap / tidak cukup / tidak mendalam [2 markah]

ii. Langkah-langkah mengatasi masalah rasuah
  - kesedaran yang jitu dan unggul para pegawai atasan dalam sesebuah organisasi
  - ketegasan dalam penguatkuasaan undang-undang.
  - komitmen dan sokongan daripada semua pihak. [3 markah]

iii. Peranan anggota masyarakat dalam mengatasi masalah rasuah
  - melaporkan kejadian rasuah kepada pihak berkuasa.
  - menulis artikel berkaitan rasuah
  - menghindarkan diri daripada kegiatan rasuah.

- melibatkan diri dalam kempen cegah rasuah.
- menyertai seminar yang berkaitan dengan rasuah [4 markah]

JAWAPAN CERPEN ANNYSS SOPHILLEA

HIKMAH 1

(i) Sifat Annyss
- lemah-lembut
- penyayang kerana Annyss sangat mengasihi Eyrique.

- tegas kerana keputusannya muktamad untuk meninggalkan bumi.

- berani kerana sanggup meredah alam yang jauh lagi asing.
- kuat semangat kerana sanggup meredah alam yang jauh lagi asing

(Pilih mana-mana 3) [3 markah]

(ii) Tindaskan sekiranya bertemu manusia dari planet lain.
- Menghebahkannya kepada pihak media massa.
- Menyembunyikannya daripada pihak lain.

- Mempelajari ilmu yang ada padanya.

- Melaporkan pada pihak berkuasa
- Menerangkan kepadanya tentang bumi

- Belajar tentang planet tempat asalnya

(Pilih mana-mana 3)

[3 markah]

(iii) Persoalan dalam petikan
- Kasih sayang yang sejati – Annys sanggup mengembara ke tempat yang jauh untuk mencari Eyrique yang dikasihinya.

Persoalan dalam cerpen
- Pemimpin yang tamak kuasa - Strenn merampas kuasa takhta Alstonia

- Menunaikan wasiat - Annyss menunaikan janji kepada ibu untuk mencari kembarnya Eyrique
- Bersatu akan menambah kekuatan – Sokongan Annyss dan Eyrique menyebabkan Akmal berjaya membunuh Strenn .

(Pilih mana-mana 2)

[3 markah]

HIKMAH 2

(i) Punca pertelingkahan :
- Strenn meminta Anyss melupakan Eyrique
- Strenn menawarkan Anyss menjadi Permaisuri Alstonia jika menjadi isterinya tapi Anyss enggan
- Annyss tidak akan mendapat apa-apa jika Erique yang menaiki takhta
- Annyss pula menyatakan bahawa Erique telah ditemui

[3 markah]

(ii) Ciri-ciri pemimpin yang baik:
- memerintah dengan adil
- mendahulukan kebajikan rakyat
- tidak mementingkan diri sendiri
-berfikir dengan rasional sebelum bertindak

[3 markah]

(iii) Perwatakan dalam petikan :
- berani – Annyss Sophillea berani membuat kenyataan bahawa dia telah menemui Eyrique walaupun sebenarnya dia belum tahu tempat Eyrique disembunyikan

Dua perwatakan dalam cerpen :
- tegas – Annyss Sophillea tetap menolak hasrat Strenn yang mahu mengahwininya
- gigih – Annyys Sophillea sanggup pergi ke merata tempat untuk mencari Eyrique.

[3 markah]

JAWAPAN CERPEN LAMBAIAN MALAR HIJAU

HIKMAH 3

(i) Kata-kata semangat:
- jika Daneng sayang akan hutan, Daneng perlu belajar lagi
- menjelaskan kepada Daneng bahawa hutan sedang diancam aktiviti pembalakan secara haram
- dengan pelajaran, Daneng boleh menjadi pegawai perhutanan, lalu boleh membanteras penceroboh hutan
- dengan belajar Daneng boleh jadi saintis

[3 markah]

(ii) -cara-cara mengekalkan hutan:
- memperbanyak hutan simpan
- mengetatkan kawalan hutan
- mengawal pembalakan haram
- meningkatkan usaha pemuliharaan hutan
- mengenakan tindakan tegas terhadap pencerobohan hutan

[3 markah]

(iii) Satu pengajaran dalam petikan:
- kita hendaklah menimba ilmu seringgi yang mungkin – Cikgu Jo memujuk Daneng supaya melanjutkan pelajaran.

Dua pengajaran dalam cerpen:
- kita hendaklah memelihara hutan – Daneng bersungguh-sungguh memperjuangkan pemeliharaan hutan sehingga dianugerahi hadiah Nobel
- Kita hendaklah menunaikan tanggungjawab dengan sepenuhnya – Cikgu Jo merupakan seorang guru yang begitu dedikasi

[3 markah]

HIKMAH 4

(i)
- Daneng bijak
- Membantu kaumnya
- Hanya 50-60 sahaja mahasisiwa kaum Daneng di universiti

[2 markah]

(ii)
- penguatkuasaan undang-undang yang ketat atas kesalahan menceroboh hutan
- rondaan udara oleh pihak berkuasa.
- kempen kesedaran tentang kepentingan hutan.
- Usaha pemuliharaan hutan
- Membanteras pembalakan haram

[3 markah]

(iii) Nilai murni dalam petikan:
- kasih sayang : Cikgu Jo memujuk Daneng untuk meneruskan persekolahannya kerana dia sayang akan Daneng

Nilai murni dalam cerpen:
- nilai mengenang budi : Daneng sentiasa mengenang jasa Cikgu Jo
- cinta akan alam sekitar : Daneng mencintai hutan malar hijau dan tidak mahu berpisah dengannya
- bertanggungjawab : Cikgu Jo sanggup masuk ke Rimba Tualang untuk memujuk Daneng agar kembali ke sekolah.

[3 markah]

JAWAPAN CERPEN PUSARAN

HIKMAH 5

i. Perkara-perkara yang menakutkan Mohsin ialah:

- Junid dan Pusaran dikatakan sebagai sudara kembar

- hubungan Junid dan Pusaran terlalu rapat dan sukar dipisahkan
- kesihatan Junid terjejas dan pusaran tidak galak jika mereka berpisah
- keakraban Junid dan pusaran sangat berlainan
- takut akan kata-kata bomoh menjadi kenyataan

[3 markah]

ii. Dilarang mempercayai kepercayaan karut:
- menyebabkan kita mundur/tidak akan maju
- menyalahi ajaran agama/akidah terpesong
- menimbulkan pertelingkahan
- bangsa akan dipandang rendah

[3 markah]

iii. Pengajaran dalam petikan:
- Kita janganlah mudah terpengaruh dengan kepercayaan karut
- Ibu bapa perlu memahami perasaan dan jiwa anak-anak

Pengajaran dalam cerpen:
- Kita hendaklah menghargai hubungan kemanusiaan dan kasih sayang
- Kita seharusnya menghormati hak seseorang

[3 markah]

HIKMAH 6

i. Bukti bahawa Junid sangat sayang akan Pusaran ialah:
- Junid sangat mesra dengan Pusaran
- Junid menyuruh ayahnya membuat kandang khas untuk Pusaran
- Junid berasa risau/tidak dapat tidur apabila tetamu ayahnya menyebut nama Pusaran
- Junid berasa sangat gembira apabila keesokan paginya dia mendapati Pusaran ada di kandangnya
- melonggokkan rumput-rumput hijau di akndang pusaran sebelum ke sekolah.

[3 markah]

ii. Caranya ialah:
- menghantar Junid ke sekolah/ kelas tambahan supaya masanya bersama Pusaran singkat
- menggalakkan Junid bersukan di sekolah supaya kuranglah peluangnya hendak bermain dengan Pusaran
- mengajak Junid bersiar-siar ke tempat-tempat yang menarik
- membelikan permainan yang menarik untuk melekakan Junid
- melibatkan Junid dalam kelab-kelab seni mempertahankan diri

[3 markah]

iii. Pengajaran dalam petikan:
-Kita hendaklah menyayangi makhluk ciptaan Tuhan walaupun makhluk itu hanya seekor binatang

Pengajaran dalam cerpen:
- Kita mestilah menghormati hak seseorang
- Ibu bapa mestilah memahami jiwa anak-anak mereka
- Kita janganlah mudah percaya akan kata-kata seseorang yang tidak dapat kita percayai.

[3 markah]

JAWAPAN CERPEN VIRUS ZEL UNTUK ABAH

HIKMAH 7

(i) Perkara yang berlaku:
- mereka sudah tiada jodoh lagi

[2 markah]

(ii) Bantuan untuk Zel:
- menasihati Zel supaya sentiasa bersabar
- menasihati Zel supaya menerima takdir tuhan dengan hati yang terbuka
- sentiasa bersedia berkongsi masalah dengan Zel
- menemani Zel semasa dia keseorangan
- menggalakkan Zel supaya menyertai pelbagai aktiviti yang menyeronokkan
- menasihati Zel supaya tidak bertindak mengikut perasaan

[3 markah]

(iii) Konflik dalam petikan:
- perceraian ibu dan bapa mengganggu fikirannya
- berasa malu kepada kawan-kawan

Konflik dalam cerpen:
- konflik dengan diri sendiri yang menyimpan dendam kepada abahnya
- berasa benci / tidak suka kepada adik-beradik tirinya

[4 markah]

HIKMAH 8

(i) Pendapat Win- reputasi abah tercabar oleh mama:
- mama Zel seorang wanita yang advanced
- mama Zel jauh lebih berjaya
- abah Zel hanya seorang guru sekolah rendah

- mama seorang wanita sukses dalam bidang computer dan perniagaan
[3 markah]

(ii) Tindakan abah:
- menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi
- mengikuti kursus-kursus tertentu untuk meningkatkan kemahiran diri
- turut sama dengan isterinya dalam pameran yang dianjurkan jika ada kelapangan / waktu cuti sekolah
- mendalami ilmu perniagaan yang diceburi mama
[3 markah]

(iii) Nilai dalam petikan:
- rajin berusaha – mama sedang sibuk mengadakan pameran komputer

Nilai dalam cerpen:
- ketabahan – mama tabah meneruskan hidup tanpa suami
- berpegang teguh kepada agama – mama bertudung litup dan mengekalkan ciri-ciri wanita muslim
- penyayang – mama sangat sayang akan Zel
[3 markah]

JAWAPAN CERPEN DI SISI RINDA

[3 markah]

HIKMAH 9

i. Nen ialah :
- Deliah
- cucu Ripin
- anak yatim piatu
- seorang anak yang telah kehilangan seluruh ahli keluarga
(pilih 3 sahaja)

[3 markah]

ii. Tindakan untuk menyelamatkan Nen:
- memujuk Nen supaya tinggal bersama-sama saya
- memelihara Nen sebagai anak angkat
- mencarikan Nen keluarga angkat yang dapat menjaganya
- sentiasa melindunginya agar dia rasa selamat
[3 markah]

iii. Nilai kemanusiaan dalam petikan :
- nilai berbelas ehsan : Jumari Jipan amat kasihan melihat nasib Deliah yang yatim piatu.

Nilai kemanusiaan dalam cerpen :

- nilai persahabatan/setia kawan : persahabatan Ripin dan Jumari Jipan yang akrab menyebabkan Jumari Jipan sanggup membela cucu Ripin, Deliah
- nilai bertanggungjawab : Jumari Jipan amat mengambil berat akan keselamatan Deliah walaupun keselamatannya sendiri tidak terjamin.

[3 markah]

HIKMAH 10

i. Perkara yang difikirkan oleh Jumari Jipan :
- kasihan melihatnya/Deliah
- mungkin Deliah sedang terkenang akan ibu bapanya yang telah terkorban
- mungkin Deliah sedang membayangkan datuknya yang terhimpit dalam pondok
- mungkin Deliah benar-benar lapar dan menyembunyikan rasa laparnya itu
- banrangkali dia tidak lapar seperti kucingnya

[3 markah]

ii. Cara mengatasi emosi anak-anak yang kehilangan ibu bapa :
- memberi perhatian dan kasih sayang kepada anak itu
- memberi semangat / motivasi kepada anak itu
- sentiasa menjaga keperluan jasmani dan rohaninya
- menghiburkan hatinya untuk melupakan kisah silamnya
- sentiasa menemaninya agar dia tidak kesunyian

[3 markah]

iii. Pengajaran dalam petikan :
- kita hendaklah mengasihani/bersimpati terhadap golongan yang tidak bernasib baik terutama anak yatim / sesama manusia

Pengajaran dalam cerpen :
- kita hendaklah menyayangi anak-anak yatim
- kita hendaklah menunaikan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab

[3 markah]

JAWAPAN: DRAMA KERUSI

HIKMAH 1

(i) Keistimewaan Srisegala
- Seorang yang tahu segala-galanya
- Memiliki kedudukan yang tinggi
- Memiliki kuasa sehingga dapat menundukkan musuhnya/Putra
- Mempunyai panglima-panglima yang setia

[2 markah]

(ii) Cara seorang isteri membuktikan kesetiaan kepada suami:
- Memberikan kasih sayang yang sepenuhnya.
- Menolong suami yang berada dalam kesusahan.
- Sentiasa bersama suami ketika senang dan susah
- Menjaga kehormatan diri
- Bersopan dan melayani suami dengan baik.
- Menurut perintah suami selagi tidak bertentangan dengan agama

[3 markah]

(iii) Pengajaran dalam petikan:
- Seorang isteri hendaklah menyayangi suaminya.
  Contoh : Demi kasih sayang kepada suaminya Putra, Masayu cuba menyelamatkan suaminya dalam tawanan Srisegala.

Pengajaran dalam drama:
- Rakyat hendaklah menentang kezaliman pemerintah.
  Contoh: Wira-wira bersatu menentang kezaliman Srisegala.
- Seorang pemimpin hendaklah menjaga kebajikan rakyat.
  Contoh: Sri Segala sepatutnya menjaga rakyatnya, bukan bersikap mementingkan diri.
- Pemimpin hendaklah mengelakkan perbuatan menyalahgunakan kuasa.
  Contoh: Srisegala menggunakan kuasa yang ada padanya utnuk kepentingan diri sendiri

[4 markah]

HIKMAH 2

(i) Permintaan Masayu:
- Srisegala membebaskan/tidak mengurung suaminya
- Srisegala tidak menyeksa suaminya
- Srisegala tidak memisahkan Masayu dengan suaminya

[2 markah]

(ii) Tindakan Masayu:
- memberi wang tebusan kepada Srisegala agar membebaskan suaminya
- mencari helah untuk memperdayakan Srisegala
- mendapatkan bantuan daripada orang lain yang lebih kuat daripada Srisegala
- mempengaruhi orang kanan Srisegala agar belot kepada Srisegala
- melaporkan kekejaman Srisegala kepada orang lain untuk mendapatkan pembelaan

[3 markah]

(iii) Dua perwatakan Srisegala dalam petikan:
- seorang yang sombong
- seorang yang kejam kerana menyeksa Putra
- suka akan wanita yang cantik

Dua perwatakan Srisegala dalam drama:
- seorang yang mementingkan diri sendiri
- menyalahgunakan kuasa
- gila akan kuasa dan kedudukan yang tinggi

[4 markah]

JAWAPAN DRAMA : SERUNAI MALAM

HIKMAH 3

(i) Safiah resah;
- orang yang ditunggu tidak tiba.
- tiada panggilan telefon daripada orang yang ditunggunya
- orang berkenaan sudah lewat satu jam

[3 markah]

(ii) Jika saya menghadapi situasi seperti Safiah, saya akan;
- cuba menghubungi orang berkenaan
- tetap sabar menunggu seperti yang dijanjikan
- melakukan kerja lain dalam tempoh tersebut untuk mengelakkan kebosanan

[3 markah]

(iii) Pengajaran:

petikan - Kita hendaklah menepati janji
- Kita haruslah bersabar dalam menghadapi apa-apa situasi

Drama - Kita hendaklah menghormati orang tua
- Kita hendaklah mempunyai semangat cinta akan negara

[4 markah]

HIKMAH 4

(i)
- pada pendapat Safiah, tiada apa-apa yang boleh dilakukan di kampung
- Dia ingin sangat tinggal di luar negeri
- Dia rasa berhak kerana dia tunang Umar

[2 markah]

(ii)
- Umar ingin berbakti kepada penduduk kampung
- Kehidupan di kampung lebih tenang - tiada masalah kesesakan seperti di bandar
- alam semula jadi kampung yang indah/udaranya nyaman

- penduduk kampung mengamalkan semangat bekerjasama
- masyarakatnya masih mundur dan memerlukan pembangunan dan kemajuan dalam pendidikan.

[3 markah]

(iii) Nilai:
Dalam petikan:
- Kasih sayang -Umar dan Safiah saling menyayangi
- Patriotik -Umar ingin memajukan kampung dan berbakti kepada penduduk kampung

Dalam drama:
- Berdikari -Umar berhasrat membangunkan kampungnya
- Berpendirian tegas – Umar tetap tegas dengan keinginannya walaupun tidak disukai tunangnya.

[4 markah]

JAWAPAN PROSA TRADISIONAL :
CERITA BAYAN TIADA MENURUT KATA IBU BAPANYA

HIKMAH 1

(i) *tahu ia akan ilmu tabib* bermaksud
Bayan berpengetahuan/cekap/pandai/bijak dalam hal perubatan/cara mengubati penyakit

(ii) Alasan bayan ialah…
- jikalau dimakan, budak itu tidak kenyang kerana badannya hanya sekepal
- jika dijual dengan harga dua ribu dinar, dapat digunakan sampai ke anak cucu/lama
- suruh dijual kepada raja kerana dia berupaya mengubati penyakit sopak raja

(iii) Pada pendapat saya…
Wajar kerana
- bayan mempunyai kepakaran mengubati penyakit raja
- kepakarannya boleh digunakan untuk ramai orang
- satu-satunya individu yang boleh mengubati raja

tidak wajar kerana
- masih tidak pasti betul atau tidak kepandaiannya mengubati raja
- tidak setimpal harga dengan saiz tubuh badannya
- bayan sudah tua/tidak bertenaga/tidak boleh digunakan khidmatnya

HIKMAH 2

(i) *orang pun banyak di rumah* bermaksud
Terdapat ramai orang di rumah saudagar pada ketika itu

(ii) Anak saudagar dan anak kera mendapat luka
- anak kera kalah bermain catur dengan anak saudagar
- anak kera marah lalu mencampakkan buah catur kepada anak saudagar
- anak saudagar malu lalu memarang lengan anak kera
- anak kera juga mengambil pisau dan dilontarkan kepada anak saudagar sehingga anak saudagar terluka

(iii) Tindakan bapa kera ialah
- berjumpa dengan saudagar untuk bertanya hal tersebut dengan lebih lanjut
- mengubati luka anak kera dengan segera
- menasihati anak kera dan anak saudagar supaya berhati-hati ketika bermain
- menasihati anak kera supaya menjauhkan diri sementara daripada anak saudagar.

JAWAPAN PROSA TRADISIONAL :
PEMINANGAN PUTERI GUNUNG LEDANG

HIKMAH 3

i. Maksud rangkai kata *akan peminangnya* ialah:
- alatan atau hantaran peminangan

[2 markah]

ii. Reaksi Sultan Mahmud ialah:

- amat kecewa dengan permintaan Puteri Gunung Ledang yang keterlaluan
- tidak sanggup menunaikan permintaan Puteri Gunung Ledang lalu membatalkan hasratnya
- tidak berani untuk mengeluarkan darahnya sendiri
- tidak tergamak untuk mengeluarkan darah anaknya

[3 markah]

iii. Nasihat kepada Sultan Mahmud ialah:

- berunding semula dengan Puteri Gunung Ledang supaya permintaannya dapat diubah
- memujuk orang yang rapat dengan Tuan Puteri Gunung Ledang supaya mempertimbangkan permintaan tuan puteri yang keterlaluan itu
- membatalkan hasrat baginda agar tidak menyusahkan rakyat dan keluarga baginda
- mencadangkan calon iseri yang lain supaya baginda dapat

melupakan Puteri Gunung Ledang

[3 markah]

HIKMAH 4

i. Maksud rangkai kata tersebut ialah:
- perkara yang diucapkan sudah disampaikan/hal yang diberitahu sudah dimaklumkan

[2 markah]

ii. Tun Mamat melihat:
- perhiasan taman itu, iaitu sebuah balai yang dibina daripada tulang-tulang dan beratapkan rambut
- ada seorang perempuan tua yang baik paras rupanya
- empat orang perempuan muda yang sedang menanti kedatangan rombongannya.

[3 markah]

iii. Puteri perlu menyamar kerana;
- hendak mengetahui tujuan sebenar kedatangan Tun Mamat

- Puteri Gunung Ledang tidak mahu paras rupanya dilihat oleh Tun Mamat, sebab Tun Mamat manusia biasa
- Puteri Gunung Ledang sedar paras wajahnya mungkin tidak secantik yang digambarkan oleh Sultan Melaka
- Puteri Gunung Ledang bimbang Tun Mamat akan tertawan dengan kecantikan parasnya

[3 markah]

JAWAPAN PROSA TRADISIONAL : KEZALIMAN MEMBAWA PADAH

HIKMAH 5

(i) *akan pelabur segala rakyat* bermaksud
Dibahagikan/diagihkan/diberi kepada orang ramai

(ii) Tindakan Betara Majapahit setelah menerima surat;
- menyuruh disediakan kelengkapan peperangan
- menyediakan dua keti rakyat Jawa
- belayar ke Singapura
- berperang dengan orang Singapura

(iii) Pada pendapat saya kesan tindakan Sang Rajuna Tapa;
- menyebabkan negaranya sendiri musnah
- menyebabkan orang/rakyat yang berdosa turut susah/menderita

- dirinya mungkin akan dihukum
- Sultan murka terhadap dirinya

HIKMAH 6

(i) *tiada berbagai pada zaman itu* bermaksud
Tidak ada persamaan dengan yang lain pada masa itu

(ii) Raja Ahmad ialah
- anak kepada Raja Iskandar Syah yang beristerikan anak Tun Perpatih Tulus
- nama timang-timangannya Raja Besar Muda
- sikap dan rupanya sangat baik dan tiada tandingan

(iii) Jika saya sebagai Sang Rajuna Tapa
- saya akan merayu kepada raja supaya anak saya tidak dibunuh
- minta anak saya dibicarakan
- memohon kepada raja supaya dijalankan siasatan yang rapi sebelum menghukum
- menyembunyikan anak saya/menghantar anak saya ke negara lain/melarikan diri ke negara lain
- memohon kepada bendahara supaya merayu bagi pihak anak saya

JAWAPAN PROSA TRADISIONAL :
KEPAHLAWANAN TUN BERAIM BAPA

HIKMAH 7

(i) Dara Zulaikha Tingkap ;
- inang Tun Beraim Bapa
- gelarannya Derma Dikara

[2 markah]

(ii) Reaksi sultan;

- memberitahu Dara Zulaikha Tingkap bahawa kuda itu tidak pernah dinaiki orang
- memberitahu bahawa kuda itu gila
- membenarkan Tun Beraim Bapa menaiki kuda itu
- memberikan dengan kekang dengan pelananya

[3 markah]

(iii) **Wajar**
- dapat menguji kehebatan Tun Beraim Bapa
- dapat menunjukkan kehebatan Tun Beraim Bapa
- Tun Beraim Bapa dapat membantu menjinakkan kuda semberani itu

Tidak wajar
- boleh membahayakan nyawa Tun Beraim Bapa
- kuda semberani itu perlu dijinakkan terlebih dahulu
- Tun Beraim Bapa masih terlalu muda /mudah mengikut

perasaan / tidak berfikir dahulu sebelum bertindak

[3 markah]

HIKMAH 8

(i) - menyuruh Tun Berahim Bapa menaiki / menunggang kuda
- menyuruh Tun Berahim menunggang kuda di hadapan tetamu-tetamu asing
- menyuruh Tun Berahim memacu kudanya ke Tukas

[2 markah]

(ii) - boleh memacu kuda bangkit ke udara
- boleh lenyap daripada pandangan / daripada mata sultan
- boleh menunggang kuda gila yang tidak pernah dikenderai

[3 markah]

(iii) - untuk mendapat pujian / penghargaan daripada sultan
- supaya dikagumi oleh tetamu asing
- kebolehannya tidak dimiliki oleh orang lain
- sebagai hiburan kepada tetamu asing

[3 markah]

JAWAPAN PUISI TRADISIONAL

HIKMAH 1 (Pantun Kiasan)

(i) Maksud *Macam melukut di tepi gantang*:
- menganggap bahawa dirinya tidak berguna kepada masyarakat.

[2 markah]

(ii) Sebab :
- barangan lama tersebut mungkin masih boleh digunakan lagi.
- mengelakkan sikap suka membazir
- barangan lama/antik lebih berharga dan tinggi nilainya

[3 markah]

(iii) Nilai murni :
- berjimat cermat
- sikap merendah diri
- yakin akan diri
- bercita-cita tinggi
- bersikap berani menghadapi setiap cabaran

[4 markah]

HIKMAH 2 (Pantun Kiasan)

(i) Maksud rangkap pantun :
- cabaran yang besar dapat dihadapi, inikan pula cabaran yang kecil

[2 markah]

(ii) Sebab :
- untuk mengelakkan kita terlalu kecewa sekiranya apa yang diharapkan tidak menjadi kenyataan
- agar kita menerima hakikat bahawa usaha hak kita, tetapi ketentuan itu hak Tuhan
- untuk mendidik diri kita berjiwa besar dengan mempunyai keberanian menghadapi cabaran

[3 markah]

(iii) Pengajaran :
- kita tidak seharusnya membazirkan barang yang telah rosak kerana mungkin ada kegunaan yang lain
- kita tidak harus mengharapkan sesuatu yang belum pasti
- seseorang itu tidak seharusnya bersikap terlalu merendah diri sehingga sanggup mengaku dirinya tidak berguna
- kita mestilah bersikap yakin diri untuk menyelesaikan sebarang masalah

[4 markah]

HIKMAH 3 (Seloka Pak Kaduk)

(i) Maksud rangkai kata :
- Menyongsong arus/menempuh pasang apabila ke laut/ pergi belayar ke hilir ketika air pasang dan balik ke hulu apabila air surut.

[2 markah]

(ii) Cara :
- Menuntut ilmu.
- Mendapatkan nasihat daripada orang yang berpengalaman.
- Mengambil iktibar daripada pengalaman sendiri atau orang lain.

[3 markah]

(iii) Pengajaran :
- Kita perlulah berfikir sebelum bertindak kerana sikap terburu-buru akan merugikan diri sendiri.
- Kita janganlah bersikap zalim kepada orang yang dikasihi seperti isteri.
- Kita janganlah membazir kerana kita perlu mensyukuri rezeki yang Allah beri.
- Kita janganlah memperdaya/memperbodohkan orang yang lemah.

[4 markah]

HIKMAH 4 (Seloka Pak Kaduk)

(i) Maksud rangkai kata :
- ketika belayar angin tidak bertiup

[2 markah]

(ii) Perbuatan menolak rezeki perlu dihindari kerana:
- menolak rezeki merupakan satu pembaziran
- rezeki belum pasti dapat diganti
- menolak rezeki dilarang oleh agama
- tidak bersyukur

[4 markah]

(iii) Persoalan :
- pembaziran : tindakan Pak Kaduk membuang nasi yang ada
- pendek akal : Pak Kaduk tidak menggunakan akal dengan sewajarnya kerana dia telah melakukan kerja yang sia-sia
- terlalu mengikut perasaan : bertindak mengikut perasaan
- keburukan amalan berjudi : oleh sebab gemar berjudi, Pak Kaduk telah kehilangan kampung halamannya

(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

HIKMAH 5 (Pantun 6 Kerat)

(i) Maksudnya:
- kami mendapat tahu bahawa seorang gadis kehilangan maruah sehingga tidak dihormati lagi.

[3 markah]

(ii) Sebab:
- supaya kita dihormati/tidak dipandang hina
- supaya kita tidak disisihkan oleh masyarakat
- untuk menjaga nama baik keluarga
- agar nama baik kita tidak tercela

(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

(iii) Tiga persoalan:
- sanggup melakukan apa-apa sahaja demi mencapai hasrat hati
- kepentingan menjaga maruah diri
- banyak perkara yang boleh dipelajari daripada alam
- sikap suka bergantung kepada orang lain akan menyebabkan kita akan mengalami kesusahan jika kehilangan tempat bergantung

(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

HIKMAH 6 (Pantun 6 Kerat)

(i) Maksud:
- Penulis berasa kecewa kerana telah kehilangan tempat bergantung

dan tidak tahu tempat yang perlu dituju.

[3 markah]

(ii) Cara-cara:
- belajar bersungguh-sungguh agar masa depan terjamin
- merujuk / meminta nasihat daripada orang-orang yang dihormati
- berusaha dengan gigih dalam apa-apa jua pekerjaan
- sentiasa berpandangan positif/berfikiran terbuka
- bersikap berani mencuba/tidak mudah berputus asa

(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

(iii) Tiga pengajaran:
- kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai hasrat di hati
- kita hendaklah menjaga maruah diri
- kita hendaklah sentiasa menjadikan perkara yang berlaku di sekitar kita sebagai panduan hidup
- kita perlulah menghindari sikap suka bergantung kepada orang lain

(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

HIKMAH 7 (Pantun Lapan Kerat)

(i) Maksud rangkap ketiga pantun :
- seseorang yang berada di perantauan harus pandai membawa diri dan menyesuaikan diri di tempat orang.

[2 markah]

(ii) Seseorang perantau perlu mempunyai sifat :
- sentiasa pandai menyesuaikan diri di tempat orang.
- sentiasa pandai menjaga tutur kata dan tidak sombong.
- sentiasa menjaga tingkah laku agar tidak menyinggung perasaan orang lain.
- sentiasa pandai berdikari dan rajin berusaha.

[4 markah]

(iii) Pengajaran :
- Sebagai anak dagang kita hendaklah pandai menyesuaikan diri dan sentiasa berbuat baik di tempat orang.
- Kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Tuhan kerana setiap yang berlaku itu ada hikmah di sebaliknya.
- Kita digalakkan rajin berusaha di tempat orang.
- Kita janganlah terlalu mengharapkan ehsan dan belas kasihan orang lain lebih-lebih lagi di tempat orang.

[3 markah]

HIKMAH 8 (Pantun Lapan Kerat)

(i) Nasihat dalam rangkap pertama pantun :
- Menasihati manusia supaya sentiasa mengucapkan rasa syukur kepada Tuhan.
- Menasihati manusia supaya reda dengan nasib yang menimpa diri kita.
- Menasihati manusia supaya jangan terlalu mengharapkan pertolongan orang lain.

(Pilih mana-mana 2 isi)

[2 markah]

(ii) Dugaan yang sering dihadapi oleh pedagang :
- Sering menghadapi tekanan emosi dan perasaan.
- Tiada rakan dan saudara-mara tempat mengadu.
- Sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.
- Mudah terpengaruh dengan budaya dan nilai masyarakat setempat.

[4 markah]

(iii) Nilai murni :
- simpati / belas kasihan
- kesyukuran kepada Tuhan
- gigih berusaha / berdikari

[3 markah]

HIKMAH 9 (Syair Kelebihan Ilmu)

(i) Kelebihan ilmu:
- ilmu ibarat cahaya yang bersinar menyinari kehidupan manusia.
- dengan ilmu kita akan berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.
- ilmu merupakan suatu benda yang amat berharga / tidak boleh dijual beli dengan wang ringgit.
- orang yang berilmu biasanya mmpunyai kehidupan yang lebih selesa / sentiasa gembira berbanding dengan orang tidak berilmu.

[2 markah]

(ii) Keadaan orang yang tidak berilmu:
- mereka akan sentiasa dipandang rendah oleh orang lain / ditindas / dihina masyarakat.
- mereka sentiasa hidup dalam kemunduran / kemiskinan dan tidak terjamin masa depan mereka.
- mereka sentiasa ketinggalan dalam serba-serbi / ketinggalan dalam mengikut perubahan.
- mereka tidak disukai oleh Allah kerana Allah tidak suka hamba-Nya yang malas menuntut ilmu dunia atau akhirat.

- mereka tidak dapat memberi sumbangan kepada kemajuan negara

[4 markah]

(iii) Pengajaran:
- Kita hendaklah rajin menimba ilmu baik ilmu dunia ataupun ilmu akhirat.
- Kita hendaklah rajin berusaha menuntut ilmu kerana menuntut ilmu dituntut oleh agama / sehingga ke akhir hayat.
- Kita hendaklah menggunakan ilmu / mengamalkan ilmu yang kita peroleh untuk kemajuan di dunia dan di akhirat.
- Kita digalakkan menyebar luaskan ilmu yang dituntut untuk manfaat orang lain.
- Kita janganlah menyalahgunakan ilmu yang dituntut untuk kepentingan diri sendiri.

[3 markah]

HIKMAH 10 (Syair Kelebihan Ilmu)

(i) Kelebihan ilmu dalam rangkap kedua:
- Ilmu tidak boleh dinilai dengan wang ringgit.
- Ilmu tidak boleh ditukar ganti walaupun sebesar dunia sekalipun.
- Ilmu mempunyai kuasa yang besar pengaruhnya.

[2 markah]

(ii) Kita disuruh menuntut ilmu kerana:
- Menuntut ilmu merupakan wajib / fardu kifayah
- Menuntut ilmu dapat meningkatkan darjat seseorang.
- Dengan menuntut ilmu seseorang itu akan dipandang mulia / tinggi di mata masyarakat.
- Dengan menuntut ilmu dapat membantu kita memperoleh pekerjaan yang baik.
- Dengan ilmu kita dapat membezakan antara yang benar dengan salah, antara hak dengan batil, antara dosa dengan pahala.

[4 markah]

(iii) Persoalan dalam syair ialah:
- Persoalan tentang kepentingan ilmu.
- Persoalan tentang semangat nasionalisme.
- Persoalan tentang kepentingan bersatu padu.

[3 markah]

JAWAPAN SAJAK

HIKMAH 1 (Anak Laut)

(i) Maksud:

- usianya sudah lanjut dan dia hampir meninggal dunia

[2 markah]

(ii) Cara:
- memberi kursus pendedahan teknologi moden kepada para nelayan
- memberikan kemudahan kewangan untuk membeli peralatan menangkap ikan yang moden
- menyediakan kemudahan pemasaran bagi hasil tangkapannya.
- menggalakkan nelayan memelihara ikan dalam sangkar
- menubuhkan koperasi untuk menjaga kepentingan mereka.

[3 markah]

(iii) Mesej:
- kita harus bersimpati terhadap golongan miskin
- menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mereka

[4 markah]

HIKMAH 2 (Anak Laut)

(i) Kehidupan nelayan tua:
- pernah meredah lautan untuk mencari rezeki
- dirinya semakin tua
- hidupnya sudah sampai ke penghujung

(Pilih 2 sahaja)

[2 markah]

(ii) Sebab:
- tidak menjanjikan pendapatan yang tetap dan lumayan
- pekerjaan yang tidak glamour
- pekerjaan yang bahaya kerana perlu meredah laut

(Pilih 3 sahaja)

[3 markah]

(ii) Pengajaran:
- kita hendaklah bertanggungjawab kepada diri dan keluarga
- kita hendaklah sentiasa mengingati hari-hari kematian
- kita hendaklah sentiasa ingat kepada Tuhan
- kita hendaklah percaya kepada takdir yang ditetapkan oleh Tuhan.

- kita hendaklah menjadikan pengalaman sebagai satu pedoman hidup pada masa hadapan.

(Pilih 4 sahaja)

[4 markah]

HIKMAH 3 (Manusia dan Kesejahteraan)

(i) Maksud:
- manusia yang pandai berpura-pura / bersandiwara / menyembunyikan sifat sebenar

[2 markah]

(ii) Sikap manusia :
- tidak mahu beralah
- tidak sanggup tampil menyeru ke arah kebaikan
- tiada kejujuran di hati
- bermuka-muka

[4 markah]

(iii) Persoalan :
- manusia yang mahu menguasai dan menunjukkan kehebatan masing-masing
- manusia semakin meminggirkan kejujuran dalam hidup mereka kerana pengaruh kuasa dan harta benda
- generasi muda harus dibimbing untuk menentukan hala tuju dalam kehidupan mereka
- ajaran agama dapat mengembalikan manusia ke jalan yang benar

[3 markah]

HIKMAH 4 (Manusia dan Kesejahteraan)

(i) Maksud :
- kehidupan manusia semakin membimbangkan
- kerana mereka lebih cenderung melakukan kekejaman berbanding dengan kedamaian
- usaha untuk mengadakan rundingan sering mendapat tentangan
- masing-masing tidak mahu mengalah/bertolak ansur

[3 markah]

(ii) Caranya :
- manusia perlu kembali kepada ajaran agama yang menyarankan penganutnya melakukan kebaikan
- mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara negatif
- menanam rasa benci terhadap perkara-perkara negatif

[3 markah]

(iii) Pengajaran :

- Kita hendaklah bersepakat dalam segala hal dalam usaha mewujudkan keamanan
- Kita hendaklah mencintai keamanan
- Kita haruslah jujur dan ikhlas dalam perkara yang dilakukan
- Kita hendaklah taat akan ajaran agama

[3 markah]

HIKMAH 5 (Jalan-jalan Raya Kotaku)

(i) Maksud:
- Perasaan tidak sabar semakin meningkat, begitu juga dengan sikap sombong yang semakin menguasai diri.

[2 markah]

(ii) Cara:
- bersikap sabar
- mematuhi peraturan jalan raya
- bertolak ansur dengan pemandu-pemandu yang lain
- memberi laluan kepada pemandu yang ingin membelokkan kenderaan
- tidak memotong kenderaan di hadapan terutama di sebelah kiri jalan

(Pilih mana-mana 3 isi)

[3 markah]

(iii) Dua pengajaran :
- kita hendaklah mengamalkan sikap sabar semasa berada di jalan raya
- kita hendaklah mengelakkan perbuatan suka berlumba semasa di jalan raya
- kita hendaklah mengelakkan perbuatan suka mengikut nafsu sentiasa

(P*ilih mana-mana 2 isi*)

[4 markah]

HIKMAH 6 (Jalan-jalan Raya Kotaku)

(i) Sikap pemandu:
- Semakin tidak sabar
- Sikap sombong semakin menguasai diri
- Semakin mengikut emosi
- Semakin bosan

(Pilih mana-mana 2 isi)

[2 markah]

(ii) Sebab :
- semua ingin mengejar waktu
- sikap mementingkan diri sendiri

- tiada kesedaran tentang kepentingan keselamatan di jalan raya

- berasa tertekan kerana sering terperangkap dalam kesesakan jalan raya

[3 markah]

(iii) Persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ialah:
- Sikap pengguna jalan raya yang sombong

- Pengguna jalan raya yang mementingkan diri sendiri
- Jalan raya menjadi tempat perlumbaan
- Masalah kesesakan lalu lintas di kota

[3 markah]

HIKMAH 7 (Di Ruang Gemanya)

(i) Maksud:
- berkorban tenaga, jiwa dan usia.

[2 markah}

(ii) Tindakan mengisi kemerdekaan:
- belajar bersungguh-sungguh agar menjadi warga yang bijaksana
- mengamalkan hidup bersatu padu antara sesama dan berlainan bangsa
- bekerja bersungguh-sungguh untuk memajukan negara

- mematuhi undang-undang negara
- menjauhi perbuatan-perbuatan yang boleh menggugat keselamatan negara

(Pilih mana-mana 3 isi) [3 markah]

(iii) Dua pengajaran:
- kita hendaklah berjuang dengan ikhlas untuk mempertahankan negara
- kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas

[4 markah]

HIKMAH 8 (Di Ruang Gemanya)

(i) Maksud rangkai kata ialah warisan / kepunyaan alam
[2 markah]

(ii) Cara-cara:
- mengamalkan semangat perpaduan dalam kalangan sesama kaum atau berlainan kaum.

- mewujudkan pentadbiran / politik negara yang stabil

- mengekalkan keamanan negara
- Bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai taraf negara maju
- Belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan
- Membina ketahanan negara yang kukuh.
- Mempunyai hubungan diplomatik dengan semua negara.
- Mengamalkan sikap berkecuali dalam urusan negara-negara luar.

(Pilih mana-mana 3 isi)

[3 markah]

(iii) Persoalan-persoalan:

- Semangat perjuangan mempertahankan negara yang tinggi
- Ketabahan menghadapi pahit getir dalam perjuangan
- Kegigihan berusaha dalam mencapai matlamat perjuangan hidup
- Kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanah air tercinta
- Harapan yang tinggi dalam mencapai cita-cita membangunkan negara

(Pilih mana-mana 4 isi)

[4 markah]

HIKMAH 9 (Duhai Pentafsir)

(i) Maksud :

- Masa sudah terlalu suntuk
- Usia telah terlalu tua

[2 markah]

(ii) Seabab :

- terpengaruh dengan rakan-rakan yang nakal
- kurang didikan agama
- terlalu mengejar keseronokan
- tidak pernah muhasabah diri

[3 markah]

(iii) Antara pengajaran yang terdapat dalam sajak ialah :

- Kita hendaklah kembali ke pangkal jalan / insaf
- Kita perlulah menilai apa-apa yang telah kita lakukan semas hidup.
- Kita hendaklah mempunyai matlamat hidup.
- Kita haruslah gigih dan terus berusaha menghadapi cabaran hidup.
- Kita hendaklah rajin menuntut ilmu terutama ilmu agama.
- Kita hendaklah insaf bahawa hidup di dunia ini hanyalah sementara.

[4 markah]

HIKMAH 10 (Duhai Pentafsir)

(i) Maksud :
- penyajak amat dahagakan ilmu keagamaan yang dapat memberi petunjuk dan didikan dalam kehidupan.

[2 markah]

(ii) Cara mengisi kehidupan pada hari tua:
- Mendekatkan diri kita kepada Tuhan seperti berzikir dan sebagainya.
- Mengisi masa lapang dengan aktiviti berkebun / bercucuk tanam.
- Mengisi hari tua dengan kerja-kerja kebajikan / kerja-kerja keagamaan.
- Mengisi hari tua dengan banyakkan membaca buku ilmiah / buku agama dan sebagainya.

[4 markah]

(iii) Antara persoalan dalam sajak ialah :
- Persoalan tentang pengisian ilmu keagamaan dalam jiwa manusia.
- Persoalan tentang kehidupan pada hari tua.
- Persoalan tentang kepentingan menuntut ilmu agama / akhirat.

[3 markah]

JAWAPAN
Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

HIKMAH 1:

(a) (i) Menduduki - mendudukkan

Menduduki - mengambil tempat duduk, menakluki dan menguasai sesebuah Negeri / Mengambil peperiksaan / ujian, memikat hati seseorang

Mendudukkan – meletakkan, mendapatkan kesimpulan sesuatu perkara, mengahwinkan, menikahkan

(ii) Menaiki - menaikkan

Menaiki - memanjat, mendaki, pergi dengan kenderaan, mengenderai, menunggang

Yati menaiki bas ekspres semasa pergi ke Kuala Lumpur untuk menghadiri kursus.

Menaikkan – menjadikan naik, membawa ke tempat tinggi, meletakkan ke atas kenderaan, menjadikan lebih tinggi

(iii) Memagari - memagarkan

Memagari – membuat atau mendirikan pagar, mengelilingi, melingkari sesuatu,
menghalangi, melindungi, mendindingi

Memagarkan – menggunakan sesuatu sebagai pagar, membuatkan pagar,
Mendirikan pagar pada.

[6 markah]

(b)

Bil.	Subjek	Predikat
(i)	Restoran	yang sedang dibina di bandar itu kepunyaan keluarga kami. [2 markah]
(ii)	Aminah	menghidangkan sedulang makanan untuk kawan-kawan ibunya yang sedang berbual-bual di ruang tamu. [2 markah]
(iii)	Perdana Menteri	berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020. [2 markah]

[6 markah]

(c) (i) perselisehan - perselisihan
memiliki - pemilikan

(ii) disanjong - disanjung
perjuangan - pejuang

(iii) tepokan - tepukan
memulai - memulakan

[6 markah]

(d) (i) dalam - ke dalam
kerelaan - kebenaran

(ii) setiap peserta-peserta - setiap peserta
kecamkan - mengecam

(iii) Oleh kerana - Oleh sebab
Penolong - pembantu

[6 markah]

(e) (i) Semua penduduk di Kampung Aman bekerjasama bagai aur dengan tebing sewaktu mereka mendirikan semula rumah Mak Bedah yang terbakar.

(ii) Pembinaan kilang-kilang di bandar itu bagai cendawan tumbuh selepas hujan akibat pertumbuhan ekonomi negara yang baik

(iii) Pak Malau memberi didikan agama kepada anak-anaknya sejak kecil lagi kerana dia berpegang kepada peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya.

[6 markah]

HIKMAH 2

(a) Membina ayat

(i) daya / kemampuan / keupayaan / kekuatan / hak / kewibawaan / tenaga

(ii) mempunyai kuasa / berhak / berkemampuan

(iii) menggunakan kuasa / mengatasi dan mengawal

(iv) kewibawaan / kekuatan / kemampuan

(v) perihal menguasai

(vi) orang yang berkuasa untuk menentukan sesuatu (mengurus)

[6 markah]

(b) Ayat aktif kepada ayat pasif

(i) Rombongan tersebut telah kami bawa melawat ke beberapa tempat menarik di sekitar bandar Kota Tinggi.

Telah kami bawa melawat ke beberapa tempat menarik di bandar Kota Tinggi rombongan tersebut.

(ii) Anugerah yang julung-julung kali diadakan untuk pengusaha batik tempatan telah berjaya anda menangi.

Telah berjaya anda menangi anugerah yang julung-julung kali diadakan untuk pengusaha batik tempatan.

(iii) Pokok jati tersebut saya tanam sebagai hiasan di halaman rumah.

[6 markah]

(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan

(i) mengindahkan - mengendahkan
melibati - melibatkan

(ii) berwarnakan - berwarna
cucuk - cocok

(iii) disyakki - disyaki
kuncu-kuncu - konco-konco

[6 markah]

(d) Kesalahan kata atau istilah

(i) dijalani - dijalankan
zuriat - baka

(ii) peramugari - pramugari
pada - ke

(iii) budaya - kebudayaan
kesatuan - persatuan

[6 markah]

(e) Peribahasa

(i) Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.
(ii) Masuk kandang kambing menggembek, masuk kandang lembu menguak
(iii) Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua

[6 markah]

HIKMAH 3

(a) Membina ayat

(i) jejak - bekas tapak kaki/bekas langkah[orang/binatang], bekas jalan perahu, kesan.
- injak hampir atau mengenai tanah, kena pada satu tahap, hampir seimbang.
- tabiat, tingkah laku, perangai.
- lurus, tegak,teratur baik, tetap/tidak berubah-ubah.

jejaka -pemuda,belia, bujang

(ii) juang - berlaga antara satu sama lain,berlanggaran, berlawan.

- hendak mencapai atau mengatasi sesuatu dengan jalan beradu tenaga/kekuatan/kuasa dengan pihak lain/unsur yang menentangnya /boleh memudaratkannya.
- sejenis tumbuhan herba juang-juang/lenjuang[bukit].
- sejenis tumbuhan renek

Jurang - lembah yang dalam,lurah
- kehidupan yang susah,kemelaratan
- perbezaan yang memisahkan sesuatu dengan sesuatu yang lain /suatu generasi dengan generasi lain

(iii) kawal - orang yang menjaga,penjaga, penjaga yang meronda, peronda
- penjagaan, pengawasan

kawat - tali yang diperbuat daripada logam spt tembaga, dawai
- berita, khabar, telegram

[6 markah]

(b) Menggabung ayat

1. Malaysia merupakan destinasi pelancongan **kerana** mempunyai keindahan alam semula jadi **dan** masyarakat yang berbilang kaum.

2. Kerajaan mengadakan pelbagai usaha mempromosikan Malaysia **dengan** mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia **serta** menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa.

3. Banyak pelancong mengunjungi Malaysia **sehingga** ekonomi Malaysia meningkat **dan** peluang pekerjaan terbuka luas untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia.

[6 markah]

(c) Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan

(i) gulungan - golongan
mahir - kemahiran

(i) perabut - perabot
kualiti - berkualiti

(ii) anggarkan - dianggarkan
penuntun - penonton

[6 markah **]**

d) Membetulkan kesalahan istilah/kata atau kesalahan bahasa

(i) saling faham memahami - saling memahami

mentadbir - mengurus

(ii) remaja - anak-anak
memulihara - menjaga

(iii) bercocok - bercucuk
dari - daripada

[6 markah]

(e)

(i) Kacang hantu
(ii) Pelanduk melupakan jerat tetapi jerat tidak melupakan pelanduk.
(iii) Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada berguna.

HIKMAH 4

(a) Membina ayat.

(i) Sekiranya Malaysia ingin maju setanding dengan negara barat, **pemindahan** teknologi perlu dilakukan.

Perpindahan penduduk setinggan ke kawasan perumahan baru perlu disegerakan kerana kerja-kerja pembangunan akan dijalankan di kawasan tersebut.

(ii) Para pelajar diseru agar tidak melakukan **pelanggaran** disiplin di dalam kawasan sekolah.

Perlanggaran antara lori dengan kereta di lebuh raya itu semalam telah mengorbankan tiga nyawa.

(iii) **Penahanan** tiga orang pemuda yang terlibat dalam kes pecah amanah itu telah menarik perhatian orang ramai.

Pertahanan tentera kerajaan di dalam kawasan sempadan yang tidak kukuh menyebabkan tentera musuh mudah meloloskan diri masuk ke negara tersebut.

[6 markah]

(b) Menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif .

(i) Perkara lain tidak sempat dibincangkan oleh mereka dalam mesyuarat semalam kerana kesuntukan masa.
(ii) E-mel dikirimkan oleh pelajar lelaki itu kepada gurunya untuk menanyakan Masalah pelajarannya.
(iii) Mata pelajaran Bahasa Melayu diajarkan oleh Cikgu Ramlah di sebuah sekolah di luar bandar.

[6 markah]

(c) Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan

(i) pengetahuan - berpengetahuan
teknoloji - teknologi

(ii) mengembleng - menggembleng
membentuk - pembentukan

(iii) pengswastaan - penswastaan
efisyen - efisien

[6 markah]

(d) Membetulkan kesalahan kata/istilah dan kesalahan bahasa

(i) wadar - warden
lain-lain masalah - masalah-masalah lain

(ii) meningkatkan lagi prestasi - meningkatkan prestasi pelajar-pelajar lagi
sektor - bidang

(iii) dikenakan - ditugaskan
menceritakan kembali peristiwa itu - menceritakan peristiwa itu kembali

[6 markah]

(e) Peribahasa

Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran
Anak di pangkuan diletakkan, kera di hutan disusui
Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.

[6 markah]

HIKMAH 5

(a) Membina ayat.

(i) *Laki*

1. **Suami/pasangan hidup isteri.**

- Laki Aminah bekerja sebagai guru.

Lelaki

1. **Jantan/lawan perempuan**.

- Lelaki itu telah dimasukkan ke hospital kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya.

(ii) *langit*

lengkung yang nampaknya biru dan melingkungi bumi

- Langit yang membiru kelihatan begitu cantik dan saujana mata memandang.

lelangit

1. kain yang dipasang di atas bilik (di bawah atap), papan dan lain-lain yang dipasang di bawah atap, kain bahagian atas kelambu
- Emak menjahit lelangit kelambu di bilik kakak kerana telah terkoyak.

2. bahagian sebelah atas rongga mulut (ada bahagian lembut dan keras)
- Lelangit saya luka kerana tertikam tulang ikan ketika sedang makan.

(iii) *rambut*

sejenis bulu yang tumbuh di kepala
- Rambut kakak banyak yang gugur kerana kakak kerap menggunakan syampu rambut yang berlainan.

rerambut

salur darah yang halus . halus (yang membentuk jaringan dalam tisu), kapilari
- Beberapa rerambut darah kakak di tangan terputus terkena pisau semasa sedang menghiris daging.

[6 markah]

(b) Menukarkan ayat cakap ajuk kepada cakap pindah

1. Aishah menanyakan tujuan Cikgu Tipah menjemputnya.
2. Cikgu Tipah memberitahu Aishah bahawa dia bertujuan murni menjemput Aishah ke biliknya.
3. Cikgu Tipah menyatakan bahawa Aishah hendaklah menganggap pertemuan itu sebagai pertemuan seorang kakak dengan adik.
4. Aishah menanyakan maksud kata-kata Cikgu Tipah itu.
5. Sambil merenung wajah Aishah, Cikgu Tipah menyatakan bahawa dia sebenarnya ingin mendapatkan penjelasan daripada Aishah tentang kemerosotan keputusan ujian bulanannya.

[6 markah]

(c)	(i)	silaturrahim	-	silaturahim
		berkunjung	-	mengunjungi
	(ii)	perlantikan	-	pelantikan
		berkuatkuasa	-	berkuat kuasa
	(iii)	mencadang	-	mencadangkan
		Komplek	-	kompleks .

[6 markah]

(d)	(i)	menyahut	-	mencelah / menyampuk

menyalahi akan - menyalahi

(ii) menggauli - mencampuri
tiada kena - tiada kena - mengena

(iii) menyebut - menyampaikan
di dalam - dalam

[6 markah]

(e) (i) Yang pipih tidak akan datang melayang dan yang bulat tidak akan datang menggolek / Genggam bara api biar sampai jadi arang/ Usaha tangga kejayaan.

(ii) Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.

(iii) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri , baik juga di negeri sendiri / lebih baik di negeri sendiri.

[6 markah]

JAWAPAN NOVEL

HIKMAH 1

(a) **Di Hadapan Pulau:**
Watak utama - Aziz

- Aziz mempunyai banyak keistimewaan;

Walaupun masih kecil, Aziz amat tabah menghadapi pelbagai cabaran dan penderitaan yang melanda sejak ayahnya meninggal dunia hinggalah ketika meletusnya peperangan.

- Aziz sudah pandai berdikari walaupun baru berumur 12 tahun.

Dia berikhtiar untuk mencari rezeki dengan cara mengambil upah untuk membeli todi dan cuba bercucuk tanam.

- Aziz juga merupakan seorang budak yang mudah dibentuk, setelah dinasihati oleh Syed Fikri,
dia terus belajar sembahyang.

Putera Gunung Tahan

- Ratu Bongsu menjadi fokus perjalanan cerita.
Ratu Bongsu terlibat dalam keseluruhan jalan cerita iaitu dari awal hingga akhir cerita.

- Watak utama berperanan menyampaikan mesej atau pengajaran.
Peristiwa yang dialami oleh Ratu Bongsu dapat menyampaikan mesej. Contohnya kita perlulah mengikuti kegigihan Ratu Bongsu mempertahankan puncak Gunung Tahan daripada diambil alih oleh Inggeris.

- Watak utama banyak memaparkan nilai murni kepada pembaca.
Contohnya nilai murni ketabahan Ratu Bongsu sebagai pemerintah sewaktu berhadapan dengan kedatangan Tuan William yang memujuknya untuk mendapatkan puncak Gunung Tahan dengan tawaran yang lumayan.

(b) Nilai kerjasama:
- kerjasama dalam masyarakat.
Di Hadapan Pulau, penduduk kampung bekerjasama membina shelter untuk perlindungan
Putera Gunung Tahan, masyarakat bekerjasama mengadakan majlis meraikan pelantikan Tuan
Robert sebagai Batin Putih.

- kerjasama untuk mengatasi masalah yang mengancam kehidupan.
Di Hadapan Pulau, Aziz bekerjasama dengan Syed Fikri menanam sayur bagi mengatasi masalah
kekurangan makanan
Putera Gunung Tahan, Kusina bekerjasama dengan Ratu Bongsu untuk memerangkap Tuan
William sewaktu serangan kapal terbang Inggeris.

HIKMAH 2:

(a) **Di Hadapan Pulau**.
Judul novel ini sesuai dengan isi cerita kerana:
- cerita berlaku di sebuah kampung yang terletak berhadapan dengan sebuah pulau yang bernama Pulau Jakun.

- watak utamanya iaitu Aziz ingin pergi ke pulau yang terletak di hadapan kampungnya kerana banyak cerita misteri tentang pulau itu.

- Aziz sering termenung mengenang keluarganya dan nasib dirinya di tepi pantai berhadapan dengan sebuah pulau.

Putera Gunung Tahan.
Judul novel ini sesuai kerana:
- watak utamanya iaitu Ratu Bongsu turut dikenali sebagai Putera Gunung Tahan.

- orang Inggeris yang bernama Tuan William dan Tuan Robert ingin menakluki puncak Gunung Tahan untuk dijadikan pusat peranginan orang Inggeris.

- dikisahkan Gunung Tahan yang dianggap sebagai penjaga seluruh isi bumi Semenanjung yang damai dan cerita berlaku di Gunung Tahan.

(b) Bandingkan perwatakan watak utama dalam dua novel yang anda kaji.

Watak utama dalam novel Di Hadapan Pulau ialah Aziz manakala watak utama dalam novel Putera Gunung Tahan ialah Ratu Bongsu.

Usia : Aziz masih muda iaitu baru berumur 12 tahun tetapi perwatakannya sangat matang,contoh- tabah menghadapi penderitaan hidup
Ratu Bongsu lebih tua iaitu berumur 30 tahun dan matang/rasional dalam pemerintahan sesuai dengan umurnya.

Bijaksana: Aziz bijak mengatasi masalah kekurangan makanan dengan cara mencari makanan di kubu lama
Ratu Bongsu bijak memperdayakan Tuan William dengan memerangkapnya dalam bilik khazanah sewaktu serangan kapal terbang.

Taraf: Aziz merupakan orang biasa atau penduduk kampung yang miskin
Ratu Bongsu merupakan seorang bangsawan dan pemimpin yang memiliki kuasa dan beberapa barang sakti.

HIKMAH 3:

(a) Watak utama dalam **novel Di Hadapan Pulau** ialah Aziz.
Antara pengorbanan Aziz:

- Aziz terpaksa mengalah dengan keluar dari rumah Joyah walaupun dia sedartidak dapat berbuat apa-apa atas tindakan Budin terhadap mak ciknya yang melampaui batas kerana dia sendiri menumpang.

- Aziz sanggup mengorbankan keindahan zaman kanak-kanaknya iaitu bermain dengan kawan-kawannya untuk berusaha membantu mak ciknya kerana dia tidak boleh mengharapkan mak ciknya saja yang berusaha untuk meneruskan hidup dalam keadaan perang.

- Aziz cuba menyembunyikan perasaan sedihnya atas kematian Tuk Marzuki dengan tersenyum apabila Afidah menoleh melihatnya berjalan di belakangnya dan dia cuba menenangkan Afidah.

Watak utama dalam **novel Putera Gunung Tahan** ialah Ratu Bongsu.
Antara pengorbanan Ratu Bongsu:

- Ratu Bongsu menolak kepentingan dirinya sendiri apabila dia enggan menerima tawaran Tuan William untuk menyerahkan Gunung Tahan walaupun ditawarkan dengan hadiah yang lumayan demi cintanya kepada tanah air.

- Ratu Bongsu lebih mementingkan keselamatan rakyatnya daripada dirinya sendiri dengan mengarahkan rakyatnya segera bersembunyi semasa serangan kapal terbang Inggeris.

(b) Perbandingan latar masyarakat:

- golongan masyarakat yang menderita ketika perang.
  Dalam novel Di Hadapan Pulau, orang kampung menderita kerana kekurangan makanan, diserang penyakit dan menjadi hamba kerahan tenaga semasa pendudukan Jepun.
  Dalam novel Putera Gunung Tahan pula, rakyat Pahang menentang penjajah Inggeris menderita kerana terpaksa lari dari kampung halaman ke hulu Pahang dan ada yang hilang tempat bergantung kerana terkorban semasa menentang Inggeris.

- Latar pekerjaan dan ekonomi.
  Kebanyakan penduduk kampung dalam novel Di Hadapan Pulau, bekerja sebagai nelayan kerana kampung mereka terletak berhampiran dengan pantai.
  Novel Putera Gunung Tahan, pekerjaan utama masyarakat Sakai ialah bertani. Mereka menanam padi, jagung dan ubi kayu.
- golongan masyarakat dalam Di hadapan Pulau kebanyakan beragama Islam walaupun terdapat segelintir masyarakat yang mengabaikan agama.
- Penduduk sakai dalam Putera Gunung Tahan masih menganut kepercayaan animisme, manakala Perempuan Tua amat teguh dengan ajaran Islam

HIKMAH 4:

(a) **Di Hadapan Pulau.**

- Nilai tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Tuk Marzuki.

Tuk Marzuki bertanggungjawab memelihara Afidah setelah kematian ibu bapa Afidah.
Tuk Marzuki menyedari dirinya sudah tua lalu mencari adiknya, Mustaffa, di Merlimau dengan harapan Mustaffa akan memelihara Afidah jika sesuatu berlaku terhadap dirinya.
Tuk Marzuki ke Merlimau untuk mendapatkan bekalan beras bagi penduduk kampungnya.

- Mak Ketong mengamalkan nilai bertanggungjawab.

Mak Ketong telah bersusah payah menjaga dan menyara dua orang cucunya yang berpenyakit walaupun dia sudah tua dan tidak bersuami.

- Joyah juga mengamalkan nilai bertanggungjawab.

Selepas kematian abangnya, Agil, dia telah menjaga dan menyara Aziz, anak Agil.

Putera Gunung Tahan.

- Nilai tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Ratu Bongsu.

Ratu Bongsu bertanggungjawab menjaga keselamatan rakyat dengan menyuruh rakyatnya bersembunyi menyelamatkan diri setelah terdengar bunyi kapal terbang.
Ratu Bongsu bertanggung jawab memelihara kedaulatan puncak Gunung Tahan daripada dirampas oleh orang-orang Inggeris.

- Perempuan Tua juga mengamalkan nilai bertanggungjawab.

Perempuan Tua yang terhutang budi dengan orang Sakai berasa bertanggungjawab untuk membalas jasa tersebut. Untuk itu, beliau telah mengajarkan ilmu agama yang ada padanya kepada perempuan Sakai untuk panduan mereka.

- Bonda Ratu Bongsu juga bertanggungjawab menjaga kebajikan anakandanya.

Baginda telah menasihati Ratu Bongsu agar berhati-hati terhadap Tuan William kerana tidak mahu sesuatu yang buruk berlaku kepada anakandanya itu.

(b) Perbandingan nilai kemanusiaan:

- Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kedua-dua novel ialah bijaksana.

Dalam novel Di Hadapan Pulau, Aziz dan Syed Fikri bijak menyelesaikan masalah kekurangan makanan dengan berkebun sayur

Dalam novel Putera Gunung Tahan, Ratu Bongsu bijak memperdayakan Tuan William hingga menyebabkan Tuan William terperangkap di bilik khazanah sewaktu kedatangan kapal terbang pengebom.

- Nilai kemanusiaan yang lain ialah berani.

Dalam novel Di Hadapan Pulau, Aziz berani pergi mencari makanan di kubu lama yang dipercayai berhantu

Dalam novel Putera Gunung Tahan, nilai keberanian ditunjukkan oleh pahlawan-pahlawan Melayu seperti Mat Kilau dan Mat Gajah berperang menentang Inggeris.

- Nilai kemanusiaan seterusnya ialah taat.

Dalam novel Di Hadapan Pulau, Joyah tetap taat kepada suaminya, Budin walaupun Budin mengabaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga

Dalam novel Putera Gunung Tahan, Perempuan Tua tetap taat pada ajaran Islam walaupun tinggal bersama-sama masyarakat Sakai.

HIKMAH 5:

(a) **Di Hadapan Pulau.**

Kepincangan masyarakat:

- masyarakat yang tidak mementingkan ajaran agama.
  Aziz yang berumur hampir 13 tahun tidak pandai bersolat.

- masyarakat yang manggadai maruah diri.

Rosiah sanggup menggadai maruah melakukan maksiat dengan tentera Jepun demi mendapatkan rezeki.

- masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga.
  Budin, suami Joyah tidak menunaikan tanggungjawab melindungi dan memberi nafkah terhadap keluarga.

- masyarakat yang bersikap mementing kebendaan
  Untuk mendapat untung, Syed Zuhri yang menjual batu akik dan minyak atar sanggup menipu pelanggannya bahawa jualannya itu mempunyai hikmat untuk memikat lelaki atau wanita.

Putera Gunung Tahan.
Kepincangan masyarakat:
- masyarakat yang sanggup mengkhianati bangsa dan negara.
  Terdapat rakyat Pahang yang menyebelahi pihak Inggeris yang menjajah negeri Pahang.

- masyarakat yang pentingkan diri dan tiada belas kasihan.
  Perempuan Tua yang sakit hendak bersalin ditinggalkan sendirian di dalam hutan oleh rakan-rakannya.

- masyarakat yang melakukan maksiat.
  Tengku Aishah bergaul bebas hingga mengandung anak luar nikah.

- masyarakat yang bersikap mementing kebendaan
  Demi mendapat habuan yang lumayan dan pangkat, Tuan William sanggup mengkhianati persahabatannya dengan Ratu Bongsu. Dia secara sembunyi-sembunyi mengatur serangan ke atas Gunung Tahan.

(b) **Di Hadapan Pulau**
Persoalan-persoalan dalam hidup:
- Kasih sayang sesama manusia
  Tuk Marzuki sangat sayang cucunya , Afidah yang kehilangan kedua ibu bapanya akibat penceraian .

- Belas kasihan / simpati
  Aziz , Lamin , Wan Rohani dan Syed Fikri menunjukkan rasa simpati terhadap Afidah yang kehilangan Tuk Marzuki .

- Sikap berani
  Aziz mengajak Afidah merayau-rayau hingga ke kubu lama yang dipercayai berhantu untuk mencari makanan .

- Keruntuhan moral
  Akibat desakan hidup akibat peperangan manusia tanggukup menggadai maruah diri hanya untuk mendapatkan makanan .

Putera Gunung Tahan
Persoalan-persoalan dalam hidup:

- Sikap tamak penjajah Inggeris di Tanah Melayu

Tujuan Inggeris adalah untuk menawan puncak Gunung Tahan untuk dijadikan pusat peranginan .

- Sikap penjajah Inggeris /yang sombong dan tidak menghormati orang lain
  Tuan Robert memandang rendah terhadap adat istiadat orang Melayu dan beragama Islam .
- Keperwiraan pahlawan-pahlawan Melayu menentang penjajah
  Datuk Bahaman, Mat Gajah, Mat Kilau bermati-matian menentang penjajahan Inggeris .

- Sikap orang Melayu yang belot dan sanggup mengkhianati tanah air sendiri

- Taat kepada ketua - Kusina mematuhi setiap perintah Putera Bongsu.

- Bijak - Putera Bongsu bijak menyelamatkan dirinya daripad dibunuh oleh
  penjajah Inggeris .

HIKMAH 6

(a)Peristiwa yang memberikan keinsafan:

Di Hadapan Pulau

- Perceraian ibu bapa akan menyebabkan anak-anak terbiar - Afidah dipelihara oleh datuknya Tuk Marzuki dengan penuh kasih sayang selepas perceraian ibu bapa Afidah.
- Mak Ketong sanggup menjaga cucunya walaupun kedua-dua cucunya bermasalah iaitu Oden yang sering jatuh sakit manakala Hamid dikatakan terkenan kerana kepalanya besar.

- Tanggungjawab dalam keluarga - Joyah sanggup menjaga Aziz seperti anaknya sendiri walaupun hidupnya sendiri susah dengan bekerja sebagai pembantu di kedai runcit.

- Kasih sayang yang ikhlas dan erat - Aziz sangat menyayangi Joyah dan amat bersimpati dengan nasib Joyah yang didera oleh suaminya, Budin.

- Peristiwa peperangan yang memberi kesan keinsafan – ramai penduduk kampung termasuk Aziz insaf dan mula kembali ke jalan agama
- Peristiwa perang menyebabkan kebuluran dan penderitaan hidup - ramai penduduk kampung mati akibat bom dan penyakit serta kelaparan.

Putera Gunung Tahan

- Kebaikan menghilangkan perasaan dendam:

Mem Wiliam tidak jadi membalas dendam atas kematian suaminya lalu jatuh cinta dgn sifat baik hati dan penyayang RB.

- Kematian kerana sifat tamak dan merendah-rendahkan bangsa lain:

TR dikenakan cenuai krn sikap angkuhnya
terhadap P Tua dan penduduk GT yang akhirnya mengundang padah terhadap diri sendiri.

- Kesungguhan seorang pemerintah dalam mempertahankan tanah air daripada dijajah.
RB sanggup menolak tawaran Tuan William untuk menyelamatkan negara daripada dijajah Inggeris.

(b) Pengajaran;

Di Hadapan Pulau
- Antaranya ialah kita mestilah sentiasa bersedia untuk belajar sesuatu yang baru. Aziz misalnya, telah belajar pelbagai perkara dan kemahiran baru daripada Syed Fikri termasuk ilmu agama, cara bercucuk tanam dan cara menjerang air.

- Kita juga mestilah sentiasa mengajak orang ramai agar berbuat kebaikan. Syed Fikri yang menyedari bahawa kanak-kanak lebih senang dibentuk, sering menasihati kanak-kanak di kampung itu agar mengerjakan sembahyang dan tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang agama. Akibatnya, kanak-kanak kampung termasuk Aziz,telah mula mengerjakan sembahyang.

- Kita juga mestilah memastikan bahawa kedaulatan negara kita sentiasa dipelihara. Kita mesti mengambil iktibar daripada penderitaan dan keperitan hidup yang dialami oleh penduduk tempatan semasa penjajahan, akibat penyakit berjangkit, tekanan emosi dan kekurangan makanan.

Putera Gunung Tahan
- Kita mestilah gigih melakukan sesuatu pekerjaan. Tuan William dan Tuan Robert gigih mengembara untuk mencari tempat peranginan untuk bangsa Inggeris

- Kita mestilah mengamalkan semangat kerjasama. Penduduk Rimau Putih bekerjasama mengawal Tuan Robert yang mereka tawan.

- Kita mestilah bersimpati kepada orang yang ditimpa kesusahan. Ratu Bongsu bersimpati dengan Mem William yang tercedera lalu meminta merawatnya dan diberikan tempat perlindungan.

- Kita mestilah cinta akan negara/ tanah air. Pahlawan-pahlawan Pahang berusaha menentang Ingeris. Ratu Bongsu berusaha mempertahankan puncak Gunung Tahan daripada jatuh ke tangan orang asing/Inggeris

HIKMAH 7

a) Dua nilai ketabahan yang dipaparkan dalam novel yang dikaji ialah;

Putera Gunung Tahan

- <u>tabah mempertahankan tanah air</u>, contoh Ratu Bongsu tabah menghadapi konflik denganTuan William kerana Tuan William cuba merampas Puncak Gunung Tahan

- <u>tabah hadapi kesukaran hidup</u>, contoh, Ratu Bongsu sanggup tinggal dengan orang bunian demi mempertahankan Gunung Tahan

Di Hadapan Pulau

- tabah menghadapi kesusahan hidup, contohnya, penduduk kampung sukar memperoleh makanan ketika pendudukan Jepun.
- tabah mencari makanan, contohnya, Aziz dan Afidah berusaha mencari makanan.

(b)

LATAR TEMPAT	DI HADAPAN PULAU -Sebuah perkampungan **di tepi laut :** Aziz terkenangkan ayahnya -Kubu lama : Aziz dan Afidahjumpa Rosiah melakukan perbuatan sumbang / mencari makanan -**Shelter :** penduduk kampong selamatkan diri setelah mendengar bunyi siren -**Kem askar :**Taksiah bantu Joyah cari pekerjaan -**Melimau :**Tuk Marzuki mencari makanan	PUTERA GUNUNG TAHAN -**Hutan :**Tuan Robert dan Tuan William - laluan menuju ke Gunung Tahan -**Perkampungan orang Sakai dan** Perempuan Tua : sebagai tempat tinggalnya /Tuan Robert diculik dan dibawa ke sini oleh orang Sakai serta dilantik sebagai ketua mereka (Datuk Batin Putih). -**Puncak Gunung Tahan:** Ratu Bongsu sbagai pemerintah di situ / tempat Mem William tinggal selepas kematian Tuan William

HIKMAH 8

(a) Peristiwa permulaan Di Hadapan Pulau

1. Ketika Aziz duduk melihat laut, dia terkenang akan ayahnya yang telah meninggal dunia dua bulan yang lalu dan terkenang akan ibunya yang telah pergi meninggalkannya serta adiknya yang tidak pernah ditemuinya.

2. Aziz menangis kerana terkenang akan ayahnya sehingga Tok Marzuki menyangka Aziz berasa sedih kerana tidak dibawa ke pulau.
3. Aziz berbual-bual dengan Tok Marzuki dan Tok Marzuki berjanji akan membawanya ke pulau.
4. Afidah membuat kopi datuknya Tok Marzuki yang sedang sedih memikirkan keadaannya yang masih kecil tetapi sudah mengalami penderitaan jiwa akibat penceraian ibu bapanya.

Peristiwa permulaan Putera Gunung Tahan

1. Peperangan menentang Inggeris yang dipimpin Dato Bahaman, Mat Gajah dan Mat Kilau
2. Kekalahan orang Melayu dalam peperangan menyebabkan mereka bersembunyi dalam hutan di Gunung Tahan.
3. Semasa muda Perempuan Tua turut melarikan diri ke hutan kerana tidak mahu hidup di bawah penjajah Inggeris.

(b) Nilai keberanian dalam novel DHP

1. Aziz berani ke kubu lama yang dikatakan berhantu semata-mata mencari makanan yang kononnya disembunyikan oleh askar Jepun
2. Tok Marzuki sanggup pergi ke Merlimau pada masa peperangan untuk mendapatkan bekalan beras dan gula.
3. Aziz berani mengambil upah menjual todi kepada golongan yang suka mabuk.
4. Aziz berani mencari sebahagian lagi anggota bangkai Mokmeng yang hilang .

HIKMAH 9

(a) Di Hadapan Pulau

(i) Peristiwa Budin mabuk dan memukul isteri. Peristiwa menunjukkan bahayanya minum arak kerana boleh menyebabkan manusia hilang pertimbangan dan bertindak di luar batasan kemanusiaan.

(ii) Peristiwa Rosiah menjual tubuh badan untuk mendapatkan makanan. Rosiah sedang melakukan perbuatan yang menjijikkan dengan seorang pemuda di kubu lama. Peristiwa ini mengajar kita tentang pentingnya seorang wanita menjaga kehormatan diri mereka walaupun menghadapi kesusahan.

(iii) Peristiwa penduduk kampung bergotong-royong membina shelter yang berhampiran dengan rumah Mak Ketong untuk memudahkan Mak Ketong yang sudah tua membawa cucu-cucu dan monyet kesayangannya berlindung di situ. Begitu juga Tuk Marzuki menyuruh Afidah ke rumah Mak Ketong untuk menjaga cucu-cucunya yang berpenyakit. Peristiwa-peristiwa ini mengajar kita agar hidup dalam keadaan tolong-menolong.

Putera Gunung Tahan

(i) Peristiwa kematian Ali dan Awang dalam perjalanan menuju Gunung Ledang. Ali mati kerana dipatuk ular tedung, manakala Awang kerana sakit perut dan kesejukan.

…Hal ini menunjukkan betapa perlunya kita berhati-hati apabila berada di tempat yang asing bagi kita.

(ii) Peristiwa sikap Tuan Robert yang memperbodoh dan menipu perempuan tua yang pernah menyelamatkannya. Akibatnya perempuan tua berasa marah, lalu menggunakan ubat guna-guna yang akhirnya Tuan Robert jatuh dari pokok.

…Hal ini menunjukkan betapa perlunya kita bersikap berterima kasih dan rendah diri untuk mengelakkan orang bersikap dendan terhadap kita.

(iii) Peristia kapal terbang menggugurkan bom dan asap beracun. Kejadian tersebut menyebabkab Tuan William yang merancang perbuatan tersebut terbunu.

…Hal ini menunjukkan kita harus menyayangi orang lain, tetapi jika kita bersikap zalim, bala itu akan menimpa diri kita sendiri.

(b) Di Hadapan Pulau

- ketaatan pada agama
  Syed Fikri menegur Aziz dan rakan-rakannya yang tidak mengamalkan ajaran agama
- ketaatan pada suami
  Makcik Joyah tetap taat pada suaminya walaupun dia sering dipukul

Putera Gunung Tahan

- ketaatan pada agama
  Perempuan tua tetap berpegang kepada agama Islam walaupun sudah lama tinggal dalam masyarakat asli

- ketaatan pada negara
  Putera Gunung Tahan tidak mahu menyerahkan puncak Gunung tahan walaupun dia ditawarkan jumlah wang yang banyak

HIKMAH 10

(a) **Di Hadapan Pulau**

Peranan Watak Utama

- watak utama Aziz, berusia 13 tahun dan yatim piatu - tinggal bersama dengan Mak Cik Joyah

- berperanan membantu Mak cik Joyah mencari rezeki untuk meneruskan hidup.
- Berperanan sebagai tempat Afidah mengadu, selalu bersama Afidah dan memberikan kasih sayang seorang kawan.
- Suka memberi bantuan - menolong Syed Fikri bercucuk tanam .

Putera Gunung Tahan

Peranan Watak Utama novel

- Watak Utama - Putera Bongsu - berperanan sebagai pemerintah orang Bunian di puncak Gunung Tahan
- Berperanan mempertahankan puncak Gunung Tahan daripada penjajahan Inggeris
- Berperanan melindungi rakyatnya dengan cara meminta mereka bersembunyi semasa serangan kapal terbang Inggeris.
- Berperanan menjaga Mem William dan membantu Mem William yang tercedera dengan menyediakan tempat tinggal dan memberikan rawatan.

(b) Nilai murni :

- kasih sayang

  Di Hadapan Pulau - Aziz sayang akan ayahnya, Agil.

  Putera Gunung Tahan - perempuan Tua sayang akan anaknya, Tahan @ Ratu Bongsu.

- Bekerjasama

  Di Hadapan Pulau - Para penduduk bekerjasama membina shelter untuk Mak Ketong..

  Putera Gunung Tahan - Orang Sakai bekerjasama menangkap Tuan Robert.

- Tabah

  Di Hadapan Pulau - Aziz tabah menghadapi pelbagai cabaran hidup ketika zaman perang.
  Putera Gunung Tahan - Ratu Bongsu tabah menghadapi pelbagai tipu muslihat penjajah @ Tuan William yang ingin menguasai Puncak Gunung Tahan.

- Bertanggung jawab

  Di Hadapan Pulau - Aziz mempunyai sikap bertanggung jawab mencari rezeki sendiri dengan mengambil upah membeli todi, bercucuk tanam dan mencari makanan di kubu lama kerana tidak mahu menyusahkan Mak Ciknya, Joyah.

  Putera Gunung Tahan - Ratu Bongsu berasa bertanggung jawab menyelamatkan oran-orangnya @ rakyatnya daripada serangan dua buah kapal terbang penjajah.

(8 markah)